

Skrin Cermin

Bersihkan skrin cermin dengan menggunakan kain atau span yang lembut berserta dengan air yang banyak. (Elakkan daripada menggunakan bahan pencuci atau pembersih kimia pada skrin cermin.) Keringkan dengan kain yang lembut dan bersih.

NOTIS

Untuk mengelakkan daripada tercalar atau kerosakan lain, gunakan air dan kain lembut/span untuk membersihkan skrin cermin.

Untuk membersihkan skrin cermin yang amat kotor, gunakan cecair pembersih neutral yang dicampurkan dengan air. Pastikan anda membersihkan semua cecair pembersih. (Cecair pembersih yang tertinggal pada skrin cermin boleh menyebabkan retakan).

Gantikan skrin cermin jikalau kesan calar menghalang penglihatan dan tidak dapat ditanggalkan.

Pastikan elektrolit bateri 12 V, bendalir brek, atau cecair kimia yang lain tidak tertinggal di skrin cermin dan hiasan di tepi, kerana ia akan merosakkan bahagian plastik.

Paip Ekzos dan Peredam

Apabila paip ekzos dan peredam bercat, jangan gunakan sebatian pencuci dapur yang melelas. Gunakan bahan pencuci jenis neutral bagi membersihkan permukaan bercat pada paip ekzos dan peredam. Sekiranya anda tidak pasti sama ada paip ekzos dan peredam tersebut bercat atau tidak, sila hubungi wakil pendedar sah anda.